



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 2 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	22 BABI DIHAPUS KEKANG ASF, LOKAL, HM -17 DIDENDA RM20,000 BAWA KAMBING BOER SELUDUP, NEGARA, KOSMO -11 DIDENDA RM10,000 SELUDUP 111 KAMBING, LOKAL, HM -6 2,769 KES DERA HAIWAN, DALAM NEGERI, UM -30	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5.	PADI FARMERS EXPECT NAFAS TO FIX LOW QUALITY SEED ISSUE, NEWS IN BRIEF, NST -13	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
6. 7.	KELAINAN IKAN BAKAR TOKMA, BISNES SINAR, SH -30 ARNAB DAGING BERI PULANGAN LUMAYAN, CEPAT, GAYA TANI, UM -24&25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/3/2021	HARIAN METRO	LOKAL	17

22 babi dihapus kekang ASF

Kota Kinabalu: Sebanyak 22 babi di sebuah kampung di Pitas dimusnahkan dalam fasa pertama bagi mengekang penyebaran wabak Demam Babi Afrika (ASF) di daerah terbabit.

Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Pertanian dan Perikanan Negeri, Datuk Dr Jeffrey Kitingan berkata, lebih banyak babi akan dimusnahkan dengan kadar segera.

“Selain itu, babi liar dan babi jalanan dipertimbangkan untuk dimusnahkan jika terdapat keperluan berbuat demikian bagi memastikan ASF tidak merebak ke daerah berdekatan yang lain.

“Dianggarkan 2,000 babi di Pitas dan 1,000 babi berjanggut yang liar dalam radius 50 kilometer (KM) juga akan dimusnahkan.

“Pada masa sama, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sabah sudah melaksanakan kempen di 25 kampung bagi meningkatkan kesedaran,” katanya.

+

Didenda RM20,000 bawa kambing Boer seludup

SETIU – Dua lelaki dipercayai penyeludup haiwan ternakan masing-masing didenda RM10,000 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam kerana menyeludup 111 ekor kambing baka boer pada Ogos tahun lalu.

Majistret Raja Norshuzlanna Shakila Raja Mamat menjatuhkan hukuman itu selepas Muhammad Nor Syuhadan Mohd. Nor, 24, dan Mohd. Syamsul Fadlihsyam Ab. Aziz, 37, dari Pasir Mas, Kelantan mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut.

Kedua-dua orang kena saman (OKS) itu didakwa memindahkan 111 kambing Boer tanpa memiliki Perakuan Kebenaran Pindah dan Kesihatan Veterinar daripada Pengarah Perkhidmatan Veterinar.

Mereka ditahan ketika membawa haiwan ternakan itu dengan sebuah lori jenis Isuzu di tepi jalan Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu dekat Permaisuri di sini pada pukul 4.46 petang, 26 Ogos 2020.

Mengikut fakta kes, kende-

raan yang membawa 111 kambing Boer itu dipercayai dalam perjalanan ke Kuala Berang, Hulu Terengganu.

Haiwan itu dibawa masuk ke negara ini melalui Sungai Golok.

Pendakwaan dijalankan mengikut Perintah Subseksyen 36(7) Akta Binatang 2013 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM15,000.

Mahkamah memerintahkan haiwan itu dilucut hak dengan nilai RM30,945.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Mohd. Shahihan Mohd. Tahar, manakala kedua-dua OKS tidak diwakili peguam.

Sementara itu, sumber JPV berkata, haiwan itu dibawa masuk ke negara ini dengan bot melalui Sungai Golok sebelum dipindahkan ke dalam lori.

Pemeriksaan mendapati lori yang dipandu OKS pernah terlibat dalam aktiviti penyeludupan haiwan ternakan pada 2018, namun ketika itu kenderaan tersebut dipandu individu lain.



MUHAMMAD NOR SYUHADAN (kiri) dan **Mohd. Syamsul Fadlihsyam** masing-masing didenda RM10,000 kerana menyeludup kambing Boer oleh Mahkamah Majistret Setiu semalam.

Didenda RM10,000 seludup 111 kambing

Setiu: Dua lelaki masing-masing dijatuhi hukuman denda RM10,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah menyeludup 111 ekor kambing Boer bernilai RM111,000.

Majistret Raja Norshuziana Shakila Raja Mamat membuat keputusan berkeputusan selepas kedua-dua tertuduh, Muhammad Nor Syuhadan Mohamad Nor, 25, dan Mohd Syamsul Fadlisyam Ab Azid, 37, mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadap mereka.

Selain itu, dua tertuduh

turut berdepan hukuman penjara sembilan bulan sekiranya mereka gagal menjelaskan denda berkenaan.

Mahkamah turut memerintahkan 111 ekor kambing Boer berkenaan dilucutkan hak dan wang hasil jualan ternakan menjadi hasil kerajaan.

Mengikut pertuduhan, dua tertuduh didakwa menyeludup 111 ekor kambing dengan menggunakan lori tanpa memilikinya. Peraturan Kebenaran Pindah dan Peral-

kuan Kesihatan Veterinar daripada Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu atau pegawai yang diberi kuasa olehnya.

Kesalahan itu dilakukan di tepi Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu di Permaisuri, di sini, jam 4-46 petang pada 26 Ogos 2020.

Bagi kesalahan berkenaan, kedua-dua tertuduh didakwa mengikut

Para (i)(b) Perintah Subseksyen 36 (1) Akta Binatang 1953 dan

boleh dihukum mengikut Subseksyen 36 (7) Akta Binatang 2013 (Akta A1452) dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa JPV Mohd Shabihan Mohd Tahar.

Berdasarkan fakta kes, semua ternakan itu diseludup dari Golok, Thailand menggunakan perahu sebelum dipindahkan ke dalam lori.

Dua tertuduh ditahan di Setiu ketika dalam perjalanan menghantar ternakan itu ke Kuala Berang, Hulu Terengganu.

Mahkamah memerintahkan 111 ekor kambing Boer dilucutkan hak

2/3/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30

Veterinar siasat setiap aduan, bertindak lebih agresif

2,769 kes dera haiwan

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhsulaiman@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Susulan kes penganiayaan terhadap haiwan yang banyak berlaku setiap hari, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bertindak lebih agresif menyiasat setiap aduan yang dilaporkan.

Malah, DVS konsisten menjalankan penguatkuasaan terhadap pihak yang melakukan kezaliman sehingga kes dapat dikurangkan ke tahap sifar semula mengelakkan kejadian sama berulang.

Dalam tempoh 2015 sehingga 22 Februari lalu sahaja, sebanyak 2,769 aduan kes melibatkan penganiayaan, kezaliman dan pengabaian terhadap haiwan dilaporkan berlaku di negara ini di bawah Akta Binatang + 1953 (Akta 467) dan Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Norhizan Mohd. Noor berkata, sebanyak 334 kes dilaporkan pada 2015 dan meningkat tiga tahun berturut-turut iaitu 463 kes (2016), 510 kes (2017) dan paling tinggi pada 2018 sebanyak 662 kes.

Beliau berkata, pada 2019, bilangan aduan kezaliman menurun kepada 354 kes namun ia meningkat semula kepada 417 kes pada tahun lalu manakala 29 kes dilaporkan sejak Januari



NORHIZAN
MOHD. NOOR

DVS sentiasa membuat pemantauan melalui jadual berkala di seluruh negara bagi menangani isu ini." Menangani isu ini."

EKSKLUSIF

2021 sehingga setakat 22 Februari lalu.

"DVS sentiasa membuat pemantauan melalui jadual berkala di seluruh negara bagi menangani isu ini. Pencegahan kepada pelaksanaan penganiayaan perlu diperluas yang mana budaya masyarakat penyayang dan prihatin kepada haiwan perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat.

"DVS sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk jabatan atau agensi lain kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan institusi pengajian tinggi (IPT) dalam menjalankan program kesedaran tentang tanggungjawab kepada haiwan agar masyarakat lebih

huni ini sehingga setakat 22 Februari, sejumlah RM4,000 hukuman denda dikenakan terhadap pesalah-pesalah berkenaan.

Kes penderaan haiwan kembali sangat susulan tragedi kucing dikenali sebagai Carrik, ditemukannya mati oleh pemiliknya baru-baru ini di dalam kotak dengan kertas surat khabar. Lebih menyedihkan, keempat-empat kakinya dipercayai dipatahkan dan dicabut sehingga mengundang kemarahan orang ramai.

Mengulas perkara itu, beliau berkata, DVS sedang menjalankan *post mortem* di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 iaitu secara kejam melakukan perbuatan, menyebabkan kesakitan atau penderitaan tidak sepatutnya dan di bawah Seksyen 30 akta sama iaitu membunuh haiwan tanpa sebab.

Seksyen 29 akta sama menuntut mana-mana individu melakukan penganiayaan kepada haiwan, boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Bagi Seksyen 44 Akta Binatang 1953, individu yang melakukan penganiayaan kepada haiwan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih daripada setahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Padi farmers expect Nafas to fix low quality seeds issue

PASIR SALAK

THE appointment of the National Farmers Organisation (Nafas) as the sole distributor of the Certified Paddy Seed Incentive programme starting this year will end the problems regarding the quality of seeds and high prices that have existed for more than 20 years.

Mohd Rodzi Bakar, a padi farmer in Kampung Sungai Jejawi, Seberang Perak, near here, said the appointment of Nafas was one of the government's initiatives to ensure farmers could get quality yields.

Rodzi, 60, who is also the village head, said most farmers in his village started dealing with the Seberang Perak farmers organisation to get certified padi seeds over the past two years instead of using middlemen or factories.

"Farmers here have been frustrated with the poor quality seeds, which have resulted in a loss of money, time and energy.

"Now that Nafas is involved, everything is more controlled in terms of the ceiling price and quality of seeds.

"As the farmers' representative, I appreciate the efforts of the government and Nafas in showing their concerns on this

aspect of certified padi seeds," said Rodzi.

Zulkafli Abd Rahim, 54, who has been involved in rice cultivation for the past 25 years, is relieved that problems related to uncertified padi seeds and their high prices have been resolved.

He said the seeds were once sold to farmers at RM45 per bag, compared with RM35 per bag as set by the government.

Apart from the price, he said quality was also important as the problems encountered using uncertified seeds included failure to germinate and the existence of foreign substances, including grass seedlings.

"Besides soil, quality seeds play an important role in the success of rice cultivation.

"If the seeds are not of good quality, they will not germinate and we will have to buy more seeds for replanting. This will affect our harvesting schedule, eventually leading to the crops being attacked by insects and pests.

"All this takes time and capital, and can lead to losses amounting to tens of thousands of ringgit. With Nafas' involvement, there will be better quality control and distribution of certified padi seeds," said Zulkafli. **Bernama**

Kelainan ikan bakar Tokma

Tidak ubah rasa sebenar ikan bakar walaupun disejuk beku

Oleh HANISZA HUSSAIN

BAGI peminat ikan bakar, Tokma Ikan Bakar Original yang terletak di Bandar Saujana Putra, Selangor memang sudah tidak asing lagi bagi warga Lembah Klang. Terkenal dengan keenakan sambal padu dan air asam power, boleh 'terangkat' dibuatnya dek resipi yang lain daripada lain.

Dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 tentunya membataskan pergerakan pelanggan untuk ke Bandar Saujana Putra bagi menikmati keenakan ikan bakar Tokma.

Bagi memudahkannya pelanggan, pemilik Tokma Ikan Bakar Original, Naidatul Fariha 'Mat' 37, menyediakan ikan bakar dengan ramuan turun-temurun secara sejuk beku (*frozen*).

Naidatul Fariha berkata, idea untuk mengembangkan perniagaan ikan bakar *frozen* itu tercetus apabila mendapati pelanggan sukar untuk berkunjung di resortnya sedangkan mereka me-

rindui ikan bakar Tokma.

Walaupun dalam bentuk sejuk beku, Naidatul Fariha tetap mengekalkan keenakan citarasa ikan segar yang dibakar bersama pes istimewa formula ibunya, ibunya, Normah Tawang.

Dengan adanya set ikan bakar sejuk beku itu, pelanggan hanya perlu membuat pesanan kepada ejen yang dilantik dan dihantar terus ke pintu rumah.

"Enam produk sejuk beku bakar itu adalah talapia bakar sambal padu air asam power, keli bakar sambal padu air asam power, ayam bakar sambal padu air asam power, sotong bakar sambal padu air asam power, kambing bakar sambal padu air asam power dan daging bakar sambal padu air asam power.

"Kesemua produk yang berharga tidak lebih RM150 itu menggunakan 100 peratus bahan premium dari *raw material* seperti ayam dan ikan segar sehingga proses membuat sambal dan air asam," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Naidatul Fariha, ikan bakar Tokma turut dilengkap dengan air asam istimewa yang menjadi *signature dish* di restoran yang diusahakannya sebelum ini.

"Sambal yang digunakan juga diolah daripada resipi turun-temurun keluarga yang menggu-

nakan 18 bahan adunan bagi menghasilkan sambal yang sedap, terbaik dan berkualiti," kata usahawan cekal itu.

Menurutnya, produk sejuk beku bakar itu juga mampu bertahan selama setahun atau lebih tanpa bahan pengawet.

"Katanya, oleh itu penggunaan tidak perlu risau dengan ikan bakar Tokma walaupun telah disejuk beku kerana mereka tidak menantikan aspek kebersihan dan kualiti makanan.

"Produk kami melalui proses R&D bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk memastikan lagi jangka hayat produk daripada setahun kepada dua tahun tanpa bahan pengawet,

kis kerana nak bantu lebih ramai orang yang hilang kerja atau terjejas akibat pandemik Covid-19 untuk mencari pendapatan baru/sampingan, di samping kaedah ini dilihat lebih berkesan untuk mempromosikan produk ini dengan lebih cepat.


"Kami juga mahu lebih ramai pelanggan di luar Lembah Klang dapat menikmati produk sejuk beku bakar ini dan insya-ALLAH selepas ini merancang untuk memasarkan Frozen Bakar Tokma ini ke pasar-raya tempatan serta luar negara," katanya.

Untuk maklumat lanjut boleh melayari Instagram: tokmaikanbakar.my atau facebook: tokmaikanbakar dan juga website: www.frozenbakartokma.my.



Naidatul Fariha memunjukkan produk Frozen Bakar Tokma yang kini sudah berseleksi di pasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/3/2021	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	24



ROSLI Yusof bersama arnab hiasan dari baka campuran yang ditemarkanya ketika ditemui di Kampung Sungai Semamb baru-baru ini. - GAMBAR/WAT KAMAL ABAS

Arnab daging beri pulangan lumayan, cep

Oleh WAT KAMAL ABAS
gayautusan@mediamulla.com.my

BERMULA dengan membelikan arnab sebagai haiwan kesayangan untuk anaknya dua tahun lalu, seorang lelaki di Kampung Sungai Semambu, Alor Pongsu, Bagan Serai, Perak kini menjadikan haiwan itu sumber pendapatannya.

Rosli Yusof, 34, berkata, pada mulanya dia membelikan sepasang arnab untuk memenuhi permintaan anak bongsunya, Muhammad Shauqi Rosli, 9, yang mahukan arnab sebagai binatang

peliharaan.

Menurutnya, setelah dibela, dia mendapati haiwan itu mudah dijaga, mudah beranak dan membiak agak cepat.

"Ini membuatkan saya mengambil langkah untuk menceburkan diri secara serius dalam penternakan arnab sejak dua tahun yang lalu," katanya kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Menurut Rosli, berbekalkan keazaman memperbaiki ekonomi keluarga, dia memulakan ternakan dengan mengikuti kursus penternakan arnab di Bandar Baru selama sebulan bagi menimba ilmu dan mencari pengalaman

dalam merealisasikan keinginannya untuk memternak arnab.

Katanya, dia kemudiannya memternak arnab secara kecil-kecilan di kawasan rumah dengan menjadikan arnab hiasan yang saya beli untuk anak bongsu saya sebagai baka permulaan.

"Wang hasil penjualan anak-anak arnab hiasan itu saya jadikan modal pusingan untuk membeli arnab pedaging jenis New Zealand White baka tempatan iaitu seekor jantan dan empat ekor arnab betina untuk dijadikan induk sebagai langkah memulakan penternakan," katanya.

“

Wang hasil penjualan anak-anak arnab hiasan itu saya jadikan modal pusingan untuk membeli arnab pedaging jenis New Zealand White baka tempatan iaitu seekor jantan dan empat ekor arnab betina untuk dijadikan induk sebagai langkah memulakan penternakan.”



u, Alor Pongau, Bagan Serai, Perak

telah siap dipotong dan daging campuran.

Katanya, daging kakas berharga RM42 sekilogram, daging yang siap dipotong RM45 sekilogram manakala daging campuran pula RM40 sekilogram.

"Permintaan bekalan daging amab pedaging amat tinggi di sini dan sehingga kini saya masih belum mampu memenuhi permintaan bekalan dengan bilangan amab pedaging yang saya ternak.

"Saya hanya mampu menghasilkan sekitar 35 kilogram daging amab pedaging sebulan untuk jualan di kawasan ini atas faktor kekangan modal," katanya.

Menurutnya, setakat ini dia hanya dapat bantuan iaitu pinjaman tanpa faedah dari Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) sebanyak RM10,000 untuk memperbesar tempat penternakan termasuk membina sangkar serta beberapa peralatan lain.

"Saya sememangnya bercadang untuk memperluaskan lagi perniagaan menternak amab yang saya usahakan.

"Saya mengharapkan lebih banyak bantuan dari pihak kerajaan untuk saya terus melangkah ke depan bagi memenuhi bekalan daging amab untuk pasaran tempatan dan negeri ini," katanya.

Menurut Rosli, amab daging mempunyai pasaran yang luas serta permintaan yang tinggi namun bekalannya tidak cukup untuk memenuhi permintaan dalam pasaran tempatan mahu pun luar.

Katanya, untuk mencapai



KONGSI ILMU...Rosli Yusof (tengah) memberi penerangan kepada pelanggan tentang penjagaan amab di pusat ternakan amab mini yang diusahakannya.

sasaran dalam memenuhi permintaan bekalan yang tinggi, ia memerlukan lebih ramai penternak amab pedaging.

"Bagi yang masih mencari-cari peluang perniagaan yang mudah dan tidak memerlukan masa penyelenggaraan yang lama, saya amat mengesyorkan agar menceburi bidang ternakan amab pedaging.

"Ia boleh menghasilkan pendapatan yang lumayan dan tidak memerlukan masa yang lama untuk menuai hasilnya," katanya.



dat

Menurutnya, kini dia menternak amab pedaging dan hiasan yang diberi makan 100 gram pallet sehari dan seminggu sekali diberi makan sayuran atau daun hijau.

"Ketika mahu memberikan makanan jenis sayuran, pastikan sayur-sayuran dibilas, basuh dengan bersih dahulu untuk mengelakkan amab diserang cirit-birit.

"Untuk minuman pula, saya hanya beri air biasa dengan menggunakan botol khas yang diletakkan di setiap sangkar," katanya.

Menurut Rosli, terdapat tiga jenis daging amab iaitu daging kakas, daging yang

